

IQRA'

BIL. 8/2025
OGOS



Sesi Libat Urus Perkhidmatan bersama Program Pengajian UiTMCT – Pengajian Kejuruteraan Elektrik

Disediakan oleh: Cik Asmahani Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP)
Kampus: Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun

Tarikh: 6 Ogos 2025, Rabu

Masa: 2.30 petang sehingga 3.30 petang

Platform: Dalam Talian Google Meet

Anjuran: Unit Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun

Penglibatan: 24 orang pensyarah Pengajian Kejuruteraan Elektrik



Unit Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun telah mengadakan satu sesi libat urus bersama pensyarah dari Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PKE) yang diadakan secara dalam talian Google Meet pada 6 Ogos 2025, Rabu. Seramai 24 orang pensyarah telah menyertai sesi yang diketuai oleh Ir. Dr. Ilham Rustam, Ketua Pusat Pengajian FPHP.

Sesi libat urus ini telah dikendalikan oleh Cik Asmahani Abdullah, Ketua Unit Perkhidmatan Perpustakaan. Pengisian penting yang telah disampaikan dalam sesi ini ialah penerangan berkaitan:-

- a) perkhidmatan terkini yang ditawarkan di perpustakaan
- b) statistik penglibatan fakulti bagi perkhidmatan perpustakaan pada tahun sebelum
- c) mendapatkan maklumbalas berkaitan bagi menyokong kecemerlangan pembelajaran, pengajaran, penulisan, dan penyelidikan universiti.

Selain pembentangan, sesi ini juga memberi peluang kepada pihak pensyarah terlibat untuk mengemukakan pertanyaan, cadangan dan komen berkenaan kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan di perpustakaan untuk penambahbaikan bersama.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah PKE UiTMCT atas kehadiran dan komitmen dalam menjayakan sesi libat urus perkhidmatan perpustakaan ini.

Semoga kita dapat sama-sama dapat menjayakan inisiatif pembudayaan ilmu dan meningkatkan penggunaan sumber rujukan dan perkhidmatan perpustakaan yang disediakan bagi melahirkan graduan UiTM yang lebih cemerlang dan berpengetahuan pada masa akan datang.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my